

# RANG UNDANG2 KEBANGSAAN BRUNEI:

*Orang ramai di-jemput memberi pendapat dan buah fikiran*

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai di-negeri ini sekarang di-jemput memberi pendapat dan buah fikiran terhadap satengah2 fasal yang terkandung dalam rang Undang2 Kebangsaan Brunei yang telah di-siarkan oleh Kerajaan dalam warta kerajaan.

Undang2 itu perlu di-adakan bukan sahaja untuk menentukan orang2 yang akan menjadi ra'ayat Sultan tetapi ia-lah juga untuk menyatu padukan penduduk2 yang mengangap negeri ini sa-bagai negeri mereka supaya mereka mempunyai satu rupa bangsa.

Sa-lain dari itu undang2 itu ia-lah juga asas bagi meluluskan kelak, undang2 pilihan raya untuk membolehkan persediaan2 di-jalankan bagi mengadakan pilihan raya ka-atas ahli2 majlis meshuarat daerah yang telah di-janjikan dalam perlembagaan bagi di-adakan tidak lewat dari dua tahun sa-telah berjalan kuatkuasa perlembagaan itu.

Pendapat2 dan buah2 fikiran

## GABNOR BORNEO UTARA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Sir William Goode, Gabnor Borneo Utara dan isterinya Lady Goode telah melawat ka-Brunei sa-lama dua hari dalam minggu yang lalu.

Mereka telah di-temui di-lapangan terbang Brunei oleh Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei pada masa tiba dari Jesselton.

Dalam lawatan yang singkat, Sir William Goode dan Lady Goode telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Mereka juga telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, tempat membuat barang2 perak di-Kampung Sungai Kedayan, Kampung Ayer dan ka-lain2 tempat di-Brunei.



Gabnor Borneo Utara, Tuan Yang Terutama Sir William Goode (Nombor dua dari kanan) sedang keluar dari bangunan lapangan terbang Brunei menuju ka-kapal terbang untuk balek ka-Jesselton baharu2 ini. Di-hujung kiri sekali ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei Tuan D. C. White dan di-sa-belah-nya ia-lah Lady Goode isteri Gabnor Borneo Utara. Di-sa-belah kanan Sir William ia-lah Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham, Pegawai Kewangan Negara.

itu hendak-lah di-sampaikan kepada Jurutulis Meshuarat, c/o Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, dengan sa-berapa segera.

Satu siaran kerajaan berkata :

“Berikutan dengan pengumuman rang Undang2 Kebangsaan dalam warta kerajaan baharu2 ini, ada tanda2 bahawa orang ramai, pertubohan2, atau parti2 politik ingin hendak membuat rayuan atau menyatakan pendapat2 mereka berkenaan dengan satengah2 fasal dalam rang undang2 itu.

“Oleh yang demikian kerajaan berniat bahawa pendapat2 atau rayuan2 itu hendak-lah di-beri pertimbangan dan jika dapat diterima akan di-masokkan ka-dalam rang undang2 tersebut.

“Untuk memberi pertimbangan itu, tiap2 buah fikiran yang di-nyatakan atau rayuan yang di-buat yang menyebabkan rang itu perlu di-pinda hendak-lah di-buat sa-chara suatu memorandum.

“Memorandum2 itu hendak-lah mengandungi dalam bahasa yang mudah di-fahami akan tujuan2 dan sebab2 sa-suatu pindaan yang di-chadangkan dan tiap2 pindaan itu hendak-lah di-sertakan dengan rangka fasal itu.

### PINDAAN

“Orang ramai ada-lah juga di-ingatkan bahawa rayuan2 boleh di-buat melalui ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang tidak rasmi dan, jika sa-kira-nya mereka itu berfikir mustahak, mereka sendiri akan menhadangkan pindaan itu dalam Majlis Meshuarat Negeri pada masa rang undang2 itu di-pertimbangkan.

“Berkenaan dengan rang undang2 tersebut, ada-lah juga mustahak mengambil ingatan bahawa persediaan2 bagi mengadakan pilihan raya sekarang sedang di-uruskan dan undang2 pilihan raya hanya boleh di-buat sa-telah undang2 kebangsaan itu di-luluskan.

“Oleh yang demikian, niat kerajaan ia-lah hendak mengemukakan rang Undang2 Kebangsaan itu dalam Majlis Meshuarat tidak lewat dari 30 hari bulan November ini.

“Orang ramai ada-lah di-minta menyampaikan memorandum mereka dengan tidak lengah lagi dan di-alamatkan kepada Jurutulis Meshuarat, c/o Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.”

## Buku-Buku karangan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. —

Duli Yang Maha Mulia telah menghadihkan 300 naskhah lagi buku2 Shaer Nasihat dan Shaer Rajang Jenaka kepada Jabatan Pelajaran, Brunei.

Buku2 itu, 150 naskhah Shaer Nasihat dan 150 naskhah Shaer Rajang Jenaka, telah di-sampaikan oleh Jabatan Pelajaran kepada Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei dan juga kepada Sultan Omar Ali Saifuddin College, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Anthony Abell College, Seria untuk bacheaan murid2 Melayu.

## Darjah2 bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 318 orang pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu sedang belajar di-darjah2 bahasa Melayu terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu. Kebanyakan daripada mereka itu ia-lah dari Bandar Brunei.

Perkara tersebut di-terangkan oleh Inche Umar bin Muhammad, Pengawas Darjah2 Dewasa Negeri Brunei.

Meskipun begitu, sambutan dari pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu di-Kuala Belait dan Seria untuk belajar bahasa Melayu ada-lah memuaskan.

Semenjak darjah2 tersebut di-mulai pada 24 October yang lalu, 10 buah darjah2 bahasa Melayu yang terbuka kepada pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu telah di-adakan, ia-itu 6 di-Bandar Brunei, 3 di-Kuala Belait dan sa-buah di-Seria.

Darjah2 itu di-buka tiga kali sa-minggu, ia-itu pada hari2 Ithnin, Thalatha dan Rabu mulai daripada pukul 4.30 petang hingga ka-pukul 6.00 petang.

# SEMUA MANUSIA BERASAL DARI SATU KETURUNAN—Kata Musaddad

**KILANAS.** — Manusia dalam dunia ada-lah berasal dari pada satu keturunan dari Nabi Adam dan Hawa baik di-mana mereka berada.

Ini, telah di-tegaskan oleh Kiai Haji Anuar Musaddad dalam suatu sharahan-nya kepada penduduk2 Kampung Kilanas pada 28 October lepas di-padang Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti.

Kiai Haji Anuar berkata bahawa penduduk2 dunia yang bermacam2 warna kulit mengikut iklim hawa tempat mereka dilahirkan — ada puteh, hitam, kuning, ungu dan lain2 itu adalah berasal dari satu ia-itu Adam.

“Daripada Adam dan Hawa berkembang-lah jenirasi manusia2 ini memenohi mana2 tempat yang kosong di-dalam dunia ini sa-hingga pada masa ini dunia ini penoh dengan bangsa2 manusia yang masing2 dengan nama-nya tersendiri,” ujar beliau.

Kesimpulan-nya, kata Kiai Haji Anuar, kita semua isi dunia ini ada-lah bersaudara dan berasal dari satu.

“Sebab itu kita harus saling hormat menghormati satu sama lain dengan menjauhkan shak wasangka yang mendatangkan seng-kita antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain, jauh sekali mengadakan peperangan dunia”, beliau menambah.

Kiai Haji Anuar Musaddad itu juga menerangkan bahawa Islam ada-lah agama yang menganjurkan perdamaian di-dunia ini dan agama maha suci yang sesuai dengan kehendak zaman. Tuhan menurunkan agama Islam ada-lah untuk perdamaian dan kesejahteraan manusia.

Mengulas sharahan-nya mengenai agama Islam, beliau berkata lagi bahawa Islam bukan

bermula dari zaman Nabi Besar Muhammad s.a.w. sahaja, bahkan Islam telah muncul di-bawa oleh nabi2 sa-belum-nya.


Beraleh sharahan-nya kepada

mengapa-kah Timor Tengah di-pilih Tuhan tempat kelahiran nabi2 di-dunia ini, Kiai Haji Anuar Musaddad menjelaskan bahawa Timor Tengah itu adalah menghubungkan tiga benua besar di-dunia ini, dengan demikian menyenangkan tersibar-nya agama yang di-bawa oleh tiap2 nabi yang di-utus oleh Tuhan itu.

Dalam sharahan-nya itu beliau juga merewayatkan sejarah nabi2 yang terdiri dari nabi2 Noh, Ibrahim, Musa dan Isa.

Sa-lama sembilan hari di-Brunei atas undangan Jabatan Hal Ahwal Ugama Brunei, Kiai Haji Anuar Musaddad telah memberikan sharahan2 kepada penduduk2 Negeri Brunei pada tempat2 yang tertentu yang akhir pada 31 October yang lalu.

Sa-panjang sharahan2 beliau sa-lama di-Brunei telah di-abadikan dengan di-rakamkan oleh Radio Brunei dan telah di-pancharkan menurut giliran-nya.



Gambar kenangan di-bangunan lapangan terbang Brunei pada akhir bulan lepas sa-jurus sa-belum Professor Kiai Haji Anuar Musaddad (memakai baju dan seluar hitam di-barisan hadapan) balek ka-Indonesia sa-telah melawat Negeri Brunei sa-lama 9 hari pada bulan October lepas.

Sa-lama di-Brunei Kiai Haji Anuar Musaddad telah mengadakan sharahan2-nya yang berhubung dengan agama Islam.

Di-sa-belah kiri Professor Kiai Haji Anuar Musaddad ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali bin Pengiran Haji Md. Daud Pengetua Pegawai Hal-Ahwal Ugama Negeri Brunei dan sa-belah kanan Professor Kiai Haji Anuar Musaddad ia-lah Pengiran Muda Kamaluddin Setia Usaha Pegawai Hal-Ahwal Ugama Negeri Brunei.

## ILMU ALAM NEGERI BRUNEI SIAP DI-CHETAK

**BANDAR BRUNEI.** — Ilmu Alam Rengkas Negeri Brunei, sebuah buku yang di-terbitkan oleh Badan Persuratan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan di-karang oleh Inche' Othman bin Bidin, Nazir Sekolah2 Melayu Tutong telah siap di-chetak pada pertengahan bulan October yang lalu.

Buku tersebut ada-lah satu2-nya buku ilmu alam Negeri Brunei yang berchorak pelajaran yang tunggal dan julong2 kali terbit dalam negeri.

Sa-lain dari memaparkan ilmu alam Negeri Brunei, buku itu ju-

maka buku tersebut sangat memberi fa'edah kepada tunas2 muda yang maseh berharapan pupokan ilmu pengetahuan dari para cherdek pandai kita.

Sa-bagaimana di-tegaskan oleh Setia Usaha Badan Persuratan Guru2 Melayu Brunei itu bahawa kekosongan maseh banyak terdapat di-sekolah2 Melayu tegas-nya kekosongan itu ia-lah tidak adanya buku2 pelajaran yang di-karang oleh anak tanah ayer sendiri.

Kita menambah pendapat itu bahawa kekosongan bukan sahaja pada bidang buku2 pelajaran di-sekolah2 Melayu sahaja, bahkan dalam pembacaan dan arina kesusasteraan pun maseh terdapat kekosongan, yang sa-wajar-nya dari sekarang juga patut di-isi oleh para cherdek pandai kita terutama dari pengarang2 di-tanah ayer.

Kita mengucapkan “selamat berjaya” kepada pengarang-nya yang telah dapat menchipta buku yang bernilai itu, moga2 de-

ngan usaha pertama itu akan ada lagi buku2 yang lain dari beliau dan dari penulis2 lain-nya.

— (A. T.)

## Permohonan menjadi Inspektor Pulis

**BANDAR BRUNEI.** — Pulis Negeri Brunei menjemput permohonan daripada orang2 yang dilahirkan dalam negeri ini menjadi Inspektor dalam percobaan.

Jawatan itu juga terbuka kepada orang2 yang mempunyai Surat2 Kebenaran Tinggal di-Brunei.

Di-antara syarat2 yang di-kehendakki ia-lah, orang2 yang membuat permohonan itu hendaklah berumur di-antara 19 dan 26 tahun, mempunyai Sijil Junior Cambridge atau kelayakan yang sama dan tinggi sakurang2 5 kaki, 4 inci.

Gaji ia-lah sa-banyak \$380 sabulan dan orang2 yang berjaya dalam pepereksaan mesti-lah sanggup pergi ka-Malaya untuk berlatih.

Borang2 permohonan boleh di-dapati di-Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei, dan hendaklah di-alamatkan borang2 permohonan itu dengan saberapa segera kepada Pesuruh Jaya Pulis, Brunei.

## PENDAFTARAN MURID2 BAHARU

**SERIA.** — Sekolah2 Saint Michael dan Saint Margaret, Seria sedang mendaftarkan murid2 baharu untuk belajar di-sekolah2 tersebut pada tahun hadapan.

Permohonan masok hendaklah di-kirimkan sa-belum 25 November.

Ibu bapa dan warith kanak2 yang berhajat hendak menghantarkan anak2 mereka belajar di-sekolah2 tersebut boleh-lah membuat perhubungan dengan guru2 besar sekolah itu seperti alamat yang di-bawah ini.

Guru Besar, Sekolah St. Michael, peti surat 145 Seria.

Guru Besar, Sekolah St. Margaret, peti surat 75 Seria.



Chegu Othman

ga di-hias dengan gambar2 yang ada hubongannya dengan pelajaran tersebut.

Sa-laras dengan kebangunan bangsa yang sedang mengurak langkah ka-arrah kesempornaan

# **NASIHAT MENTERI PELAJARAN MALAYA KAPADA PENUNTUT2**

**BANDAR BRUNEI.** — Penuntut2 Tahun III Maktab Perguruan Melayu Brunei telah di-nasihatkan supaya menjadi sa-orang guru yang bertanggung jawab dalam melaksanakan tugasnya.

Nasihat itu telah di-beri oleh Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dalam suatu temu ramah dengan rombongan penuntut2 tersebut dalam bidang lawatan mereka ka-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura dalam bulan lepas.

Inche' Hambali bin Awang Tengah, ketua penuntut tahun tiga telah menceritakan temu ramah rombongan mereka dengan Inche' Abd. Rahman bin Talib, Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, mengenai alam perguruan yang sekarang sedang di-pergiat untuk perkembangan dan kemajuan-nya itu.

Menteri Pelajaran itu telah menasihatkan mereka beberapa perkara mengenai perguruan, antaranya:

- ◆ Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang akan di-ajarkan;
- ◆ Tahu chara mengajar satu2 pelajaran kepada murid2-nya;
- ◆ Mengetahui dan mengamalkan tatatertib sa-orang guru;
- ◆ Mengetahui peratoran dalam sekolah menurut kemajuan zaman; dan
- ◆ Sanggup di-hantar ka-mana2 sekolah, baik pun sekolah itu di-ulu2 ya'ni jauh dari bandar.

Inche' Hambali berkata bahawa sa-lama mereka di-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, mereka telah berjumpa dengan

penuntut2 Brunei yang belajar di-sana. Mereka itu ada dalam selamat sejahtera.

Mencheritakan lawatan mereka yang pendek itu, Inche' Hambali menegaskan bahawa sa-panjang lawatan mereka di-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu chukup memuaskan terutama layanan2 yang di-beri oleh Persekutuan Guru2 Melayu Pulau Pinang.

Rombongan penuntut2 itu telah dapat menyaksikan upacara menyampaikan Pingat Hang Tuah kepada kanak2 yang berani yang di-menangi oleh sa-orang kanak2 dari Terangganu itu.

Menjelaskan kesan2 lawatan penuntut2 itu, Inche' Hambali berkata:

"Kami merasa lebeh2 rendah dalam pelajaran, lebeh2 lagi bila kami telah menyaksikan bangunan2 dan keadaan yang lebeh baik di-dapati di-Brunei."

## **Ka-Bangkok**

**BANDAR BRUNEI** — Tuan Chua Kwang Soon, Pengarah Jabatan Kastam Negeri Brunei telah berangkat ka-Bangkok de-



Tuan Kwang Soon.

ngan kapal terbang baharu2 ini.

Tujuan lawatan beliau ka-Negeri Siam ia-lah untuk menghadiri persidangan pegawai2 kastam di-ibu kota negeri itu.

## **NAIB2 KONSOL INDONESIA MELAWAT BRUNEI**

**BANDAR BRUNEI** — Dua orang naib2 konsol Jabatan Konsol Indonesia di-Singapura, Tuan R. Koesto Wongsodidojo dan Tuan R. M. Kadijono telah melawat ka-Brunei pada hari Jumat yang lalu sa-lepas melawat ka-Borneo Utara.

Pada petang hari tersebut, beliau2 itu telah melawat ka-studio Radio Brunei di-sini dan menyampaikan 55 keping rekod In-



Lawatan penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei ka-Singapura dan Malaya Atas: Kiri di-Singapura dan kanan di-Melaka  
Bawah: Kiri di-Kuala Kangsar dan Kanan di-Pulau Pinang.

## **PENUBOHAN JABATAN KESIHATAN LUAR BANDAR**

**BANDAR BRUNEI.** — Urusan pertadbiran kesihatan negeri ini telah di-perkemas dengan menubuhkan suatu Jabatan Kesihatan Luar Bandar di-Pejabat Perubatan Negara.

Jabatan Kesihatan Luar Bandar itu di-kelolakan di-bawah tadbiran Pegawai Perubatan Negara dan di-anggap sa-bagai ibu pejabat perkhidmatan luar bandar Negeri Brunei.

Penubohan Jabatan Kesihatan Luar Bandar itu telah di-ranchangkan sa-bagai satu dari chara2 memberi bantuan perubatan kepada ibu2 yang mengandung dan kanak2 supaya kematian antara kanak2 yang baharu di-lahirkan dapat di-kurangkan.

Tugas lain Jabatan Kesihatan Luar Bandar itu ia-lah mengawal penyakit2 yang berjangkit, menjaga kebersihan kawasan, menyimpan rekod atas angka2 yang mustahak dan mengajar penduduk2 kampung tentang kesihatan.

Jabatan itu juga akan memberi lathen kepada kakitangan-nya dan menyediakan ubat2 sa-bagaimana yang di-perlukan oleh sa-suatu kawasan yang jauh dari rumah2 sakit di-negeri ini.

Untok menjayakan ranchangan itu, kakitangan kesihatan dari kawasan2 luar bandar akan di-kehendaki dari masa ka-masa

memberi buah fikiran atas perkara2 yang harus di-laksanakan supaya perkhidmatan itu dapat berjalan dengan lichen.

Jabatan itu juga akan menjaga supaya perkhidmatan kesihatan luar bandar berjalan dengan baik dan tidak membuang wang dengan sia-sia.

Dalam hal ini ia akan mengka-ji kepentingan2 kesihatan luar bandar mentaksirkan kejayaan sa-suatu ranchangan kesihatan dan meranchangkan chara2 untok memenohi kehendak2 orang2 kampung dalam usaha hendak mengurangkan kematian kanak2 di-negeri ini.

## **Mengadap D.Y.M.M.**

**BANDAR BRUNEI** — Tuan Eugene Melville, Penolong Setia Usaha Rendah Negara di-Jabatan Tanah2 Jajahan di-London telah melawat ka-Brunei sa-lama empat hari baharu2 ini.

Beliau telah di-temui di-lapangan terbang Brunei oleh Tuan W. J. Parks, Juru Iring dan Setia Usaha Sulit kepada Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.

Dalam masa lawatan-nya itu, Tuan Melville dengan di-iringi oleh Tuan D. C. White, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Tuan Melville telah menjadi tetamu kepada Tuan D. C. White sa-masa lawatan-nya ka-Brunei.

## **MA'LUMAN LEMBAGA BANDARAN**

**BANDAR BRUNEI.** — Lembaga Bandaran Brunei mema-lomkan kepada orang yang mempunyai kerbau bahawa mereka di-tegah membiarkan kerbau2 mereka berada di-kawasan perkuboran di-Jalan Residency, Bandar Brunei.

Perkara tersebut ia-lah kerana lembaga bandaran menyediakan tempat yang khas di-kawasan pamar di-batu 2½, Jalan Tutong.

\*\*\*\*\*  
**HARI  
PERDAMAIAN**  
\*\*\*\*\*  
**BANDAR BRUNEI.** — Negeri Brunei telah menyambut hari perdamaian peperangan dunia pada hari Sabtu yang lalu.  
Pada sa-panjang hari itu ramai pekerja2 sukarela telah menjual bunga2 poppy dengan tidak di-tetapkan harga.  
\*\*\*\*\*

# SUMBAR-SUMBAR PERKEMBANGAN EKONOMI RA'AYAT

Pelita Brunei keluaran 2 November telah memuatkan renchana Inche Zaini bin Haji Ahmad, sa-orang penuntut Brunei yang baharu balek dari United Kingdom, mengenai ekonomi ra'ayat negeri ini. Sambongan renchana itu adalah seperti berikut:

Pada menjawab pertanyaan mengapa negara2 India dan Tiongkok Merah itu maju dalam bentuk perekonomian mereka, dapat-lah saya terangkan dengan ringkas bahawa kemajuan perekonomian di-negara2 itu ada-lah disebabkan oleh beberapa faktor produksi yang tertentu. Di-antara yang lain-nya ia-lah kelengkapan pembekalan tenaga listrik di-merata negeri2 itu.

## PEREKONOMIAN

Perlu juga rasa-nya kita mengetahui bahawa perekonomian di-negara2 yang sudah maju itu sekarang ini di-sediakan kepada perkembangan ekonomi raayat desa.

Ketegasan-nya tenaga listrik-lah yang boleh di-katakan sa-bagai tenaga pembongkar kekayaan alam negara2 itu dewasa ini.

Kemajuan sa-macam ini akan sama sahaja bentuk-nya baik di-negara2 Asia, Afrika maupun di-Amerika Latin — bersandarkan kepada kuasa tenaga listrik sa-bagai kuasa pembongkar kekayaan alam desa.

Kalau sa-buah negara itu belum bagitu berkembang perekonomian-nya, segala hasil2 pertanian dari daerah2 yang terpenchil selalu-nya di-bawa ka-kota2 raya dengan menggunakan kemudahan yang di-datangkan oleh persungai negara itu.

## PERHUBONGAN

Ini memang jelas di-buktikan di-Brunei yang perhubungan sungainya-lah yang menjadi saluran besar bagi membawa hasil2 penduduk desa untuk di-pasarkan di-bandar2 Brunei dan Seria mithal-nya.

Boleh di-katakan tidak kurang dari 60% dari hasil2 penduduk desa, seperti dari Ulu Belait, Tutong dan Temburong yang di-bawa ka-Bandar Brunei dan Seria menggunakan kemudahan di-persungai Belait, Tutong dan Temburong.

Kepentingan perhubungan melalui sungai2 ini lebih berkesan lagi lima tahun dahulu, di-waktu jalan2 raya maseh belum sempurna pembentokan-nya.

Kebenaran pendapat ini diperkuatkan oleh pendapat Tuan Eric Bevington, bekas Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri Brunei dalam laporan Pembangunan Lima Tahun,

berkenaan dengan pembersehan sungai2 di-negeri ini.

Laporan-nya itu berbunyi: "Tunggol2 kayu yang bertaboran di-sungai2 Tutong dan Belait itu bukan sahaja menyebabkan kayu2 tidak dapat di-hilirkan melainkan menunggu musim banjir, tetapi perahu2 pun tidak dapat menggunakan-nya di-musim kemarau dan pada sa-tengah tempat berjalan melalui sungai itu ada-lah terkandas dan tersekat."

Dari laporan Tuan Eric Bevington itu, jelas-lah pada pendapat saya bahawa kalau hasil2 hutan dan pertanian itu hendak di-pasarkan di-Bandar Brunei atau Seria dengan har-

Di-sana, irrigasi-lah yang mengambil peranan penting di-dalam menyusun perekonomian di-desa-nya, kalau tidak maka sudah tentu Thailand menghadapi kerumitan, justru keruntuhan ekonomi nasional.

## PENGHASILAN

Sebab, ekonomi nasional Thailand dewasa ini bergantung kepada hasil2 penanaman padi, yang di-kirim-nya keluar negeri seperti Indonesia, Malaya dan lain2-nya.

Kalau ekonomi Thailand itu menghadapi krisis yang samata2 di-timbulkan oleh kekurangan penghasilan padi-nya, maka krisis itu tidak



Buah2an dari hasil pertanian di-jual di-pasar2 dalam Negeri Brunei seperti dalam gambar ini.

ga yang berpatutan, maka samestinya-lah kita mengambil berat dalam soal pembersehan sungai2 di-negeri kita ini.

Faktor yang penghabisan di-dalam seri pengupasan saya kali ini ia-lah berhubung dengan kelengkapan saluran ayer atau irrigasi.

## PERKEMBANGAN

Saperti telah di-ma'alumi bersama melalui pembacaan dari surat2 khabar dan majalah2 tempatan maupun luar negeri, irrigasi ia-lah sa-bagai urat besar di-dalam perkembangan pertanian terutama sa-kali kalau pertanian itu berupa penanaman padi yang di-perlukan di-dalam negeri maupun untuk di-kirim ka-luar negeri.

Irrigasi ini lebih lagi diperlukan oleh sa-buah negara yang menitik beratkan sumbar2 perekonomian nasional-nya kepada hasil2 yang di-bawa oleh penanaman padi, seperti di-Thailand atau Negara Gajah Puteh.

akan di-rasai hanya oleh ra-ayat negara Gajah Puteh sahaja, namun juga oleh kita di-negeri ini.

Kenyataan ini bukan di-dasarkan hanya kepada ramalan2 saya sahaja, akan tetapi juga di-pertimbangkan oleh hukum ekonomi internasional yang berbabit antara satu dengan lain-nya.

Mithal-nya, Pak Sumber mempunyai sa-ekor ayam yang membawa hasil sa-puloh biji telur pada tiap2 bulan untuk keluarga Pak Sumber. Keluarga Pak Sumber ini pula terdiri dari sa-orang ibu, dua anak laki2 dan sa-orang anak perempuan. Telor2 ayam itu tadi di-bahagi bagini:—

## PEMBAHAGIAN

Pak Sumber, 3 biji sa-bulan; Ibu (isteri Pak Sumber), dua biji sa-bulan; dan 2 orang anak laki2 Pak Sumber, masing2 dua biji sa-orang; dan anak perempuan Pak Sumber sa-biji sa-bulan.

Tiba2 pada suatu bulan,

ayam Pak Sumber itu hanya bertelur sa-banyak delapan biji sahaja, bukan-nya sa-puloh saperti biasa.

Sebab-nya ayam Pak Sumber itu tidak bertelur saperti biasa tidak-lah dapat di-keta-hui, mungkin kerana makan-nya tidak chukup atau pun ayam itu kurang sehat.

Sekarang bagaimana Pak Sumber hendak membahagi telur2 itu dengan kekurangan dua biji tadi? siapa-kah di-antara keluarga Pak Sumber itu yang harus mengurangkan bahagian-nya pada ketika itu? siapa-kah di-antara mereka yang harus berkorban. Pak Sumber sendiri-kah atau si-ibu, anak2 laki2 tadi-kah atau pun si-gadis jelita itu?

## PERUNDINGAN

Kesudahan-nya, Pak Sumber sa-bagai ketua dari sa-buah rumah tangga mengadakan perundingan di-antara ahli2 keluarga-nya, dan satu tolak ansor telah pun di-chapai, ia-itu Pak Sumber bersedia berkorban dengan ertikata bersedia mengurangkan bahagian-nya, dari tiga biji kepada dua biji telur sa-bulan, sedangkan si-ibu mengurangkan bahagian-nya, dari dua biji kepada sa-biji sa-bulan.

Bagaimana tadi kalau tidak ada tolak ansor di-antara keluarga Pak Sumber itu.

Jawab-nya rumah tangga Pak Sumber tentu menghadapi krisis dan demikian juga-lah akan terjadi di-negeri Gajah Puteh tadi di-kala hasil perusahaan padi-nya kurang daripada biasa pada suatu ketika.

Untuk mengendorkan krisis di-rumah Pak Sumber, maka Pak Sumber dan keseluruhan anggota keluarga-nya terpaksa berikhtiar bagaimana hendak menchegeh supaya ayam-nya itu jangan kurang bertelur pada tiap2 bulan.

## PERTANIAN

Bagi permulaan-nya Pak Sumber mengadakan satu siatsatan terhadap kesihatan ayam-nya tadi, dan kesudahan-nya berpendapat bahawa kalau ayam-nya itu hendak bertelur sa-puloh biji sa-bulan, maka ayam itu harus di-berikan chukup makanan dan dipelihara dengan baik.

Demikian juga-lah hal-nya dengan negara Gajah Puteh tadi, ia-itu kalau raayat negara itu hendak menikmati hasil2 pertanian mereka, sa-harus-nya mereka menchari jalan demi menjaga baik atoran penanaman padi mereka tadi. Satu jalan yang baik sa-kali ia-lah dengan mengadakan kelengkapan perbekalan ayer ka-sawah2 raayat, dan menjaga-nya dengan teliti.

Demikian-lah penting-nya irrigasi itu dari sudut pemba- (Lihat muka 6)

# Penyakit kerongkong: HAMPIR 4,000 ORANG KANAK2 DI-SUNTEK

**BANDAR BRUNEI.** — Hampir 4,000 orang kanak2, kebanyakannya dari Kampong Ayer, telah di-suntek dengan ubat penyakit kerongkong semenjak gerakan menchegeh penyakit itu di-lancarkan oleh Jabatan Kesihatan dalam bulan lepas.

Penyakit kerongkong itu menyerang kanak2, khasnya yang berumur antara 1 dan 5 tahun, dan telah membunuh lima orang kanak2 dalam wabak yang berlaku sekarang.

Hingga 13 November lepas 8 orang kanak2 yang mengidap penyakit kerongkong di-rawat di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei, 9 orang di-Rumah Sakit Kuala Belait dan 13 orang di-Rumah Sakit Sharikat Minyak di-Kuala Belait.

Dalam gerakan menchegeh penyakit tersebut kanak2 di-suntek di-rumah2 sakit di-seluruh negeri. Sa-lain dari itu satu rombongan perubatan yang diketuai oleh sa-orang Health Sister akan bertugas di-klinik2 pada tarikh dan waktu yang di-umumkan kelak.

Dalam gerakan itu kereta2 akan di-sediakan untuk meng-

angkut kanak2 dari tempat2 yang jauh ka-klinik.

Untuk menjauihi penyakit

## Menghadhiri hari jadi Sultan Johore

**BANDAR BRUNEI.** — Dua orang pembesar2 Negeri Brunei telah berangkat ka-Johore Bahru kerana menghadhiri istiadat sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johore.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Negara Haji Mohamed Taha dan Yang Di-mulia-kan Pehin Maharaja Diraja Awang Abdul Rahman.

Kedua2 orang pembesar tersebut telah juga berangkat dari Johore ka-Kuala Lumpur dan bertemu dengan putera2 Duli Yang

yang berjangkit dan membunuh itu kanak2 yang belum di-suntek dengan ubat penyakit kerongkong perlu di-suntek.

Ibu bapa di-nasihatkan lagi supaya me bawa anak2 mereka yang berumur lebeh dari enam bulan ka-rumah2 sakit atau klinik untuk di-suntek sa-kira-nya mereka belum di-suntek lagi.

Maha Mulia yang sedang belajar di-sana.

Sa-masa di-Kuala Lumpur, beliau2 itu telah tinggal di-Rumah Awang Alak Betatar, ia-itu istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

## PERSIDANGAN PEMUDA PEMUDI

**BANDAR BRUNEI.** — Perhimpunan Pemuda Pemudi Sa-dunia, bahagian Asia telah menjemput Lembaga Pemuda Pemudi Brunei menghantarkan dua orang wakil menghadhiri persidangan pemuda pemudi seluruh Asia.

Persidangan itu akan diadakan di-Vietnam sa-lama 10 hari mulai dari 10 January tahun hadapan.

Jemputan itu akan dibentangkan oleh Lembaga Pemuda Pemudi Brunei dalam meshuarat jawatan kuasa-nya pada minggu ini.

## PENJELASAN PEGAWAI PERUBATAN NEGARA

**BANDAR BRUNEI.** — Dalam keluaran 29 October lepas, akhbar mingguan Borneo Bulletin telah menyiarkan kesimpulan interview pemberita-nya dengan Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

Interview itu ia-lah usaha Borneo Bulletin hendak mendapat penjelasan daripada Dr. Abdul Wahab berkenaan dengan perhubungan beliau menawarkan kerja kepada doctor2 dari Malaya dan Singapura.

Doctor2 dari Malaya diberitakan enggan datang ka-Brunei sa-bagai pegawai2 perijanjian oleh sebab layanan yang tidak sama yang di-beri kepada doctor2 dari Malaya dan doctor2 dari United Kingdom.

Doctor2 dari United Kingdom di-katakan di-tawarkan gaji yang lebeh tinggi dari doctor2 dari Malaya.

Dr. Abdul Wahab berkata bahawa berita itu benar pada pokok-nya tetapi tidak tepat sa-telah di-kaji butir2 yang di-siarkan oleh Borneo Bulletin.

Gaji yang di-bayar kepada doctor2 di-Brunei ada-lah sama

tingkatan-nya ia-itu \$1,020 hingga \$1,660 sa-bulan tidak di-kira sama ada doctor itu datang dari United Kingdom atau lain2 negeri.

Tingkatan ini telah di-nyatakan dalam i'lan menjemput doctor2 dari seberang laut memohonkan jawatan di-Brunei.

Tetapi pendapat sa-orang doctor dari United Kingdom ada-lah lebeh kerana ia di-beri inducement allowance sa-hingga \$280 sa-bulan.

Kesimpulan interview itu bahawa kekurangan doctor di-Brunei tidak akan dapat di-atasi jika sharat2 perkhidmatan tidak di-perbaiki ada-lah juga tidak tepat.

Dr. Abdul Wahab menegaskan bahawa kekurangan doctor2 itu boleh di-atasi dengan mengambil doctor2 dari negeri2 lain dari Malaya dan Singapura.

## PERSATUAN PEGAWAI KERAJAAN KERJA TETAP DI-TUBOHKAN

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-buah persatuan khas-nya terbuka kepada pegawai2 Kerajaan yang bekerja tetap telah di-tubuhkan dalam satu meshuarat di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini pada 6 November.

Meshuarat itu di-pimpin oleh Pengiran Puteh bin Pengiran



Pengiran Puteh

Persatuan itu akan bekerjasama dengan Kerajaan dalam perkara yang di-fikirkan mendaftarkan kebajikan, memperbaiki iktisad ahli2, meningkatkan mutu pelajaran anak2 ahli dan memperbaiki masharakat ahli2.

### BEKERJASAMA

Sa-lanjut-nya, Pengiran Puteh menerangkan bahawa persatuan itu juga akan bekerjasama dengan persatuan2 yang mempunyai tujuan2 yang sama seperti persatuan yang baharu di-tubuhkan itu.

Chogan kata Persatuan Pegawai2 Kerajaan Kerja Tetap itu, kata Pengiran Puteh, ia-lah "Berkhidmat untuk kebajikan".

Meshuarat tersebut telah beresetuju dengan sabulat suara membentok sa-buah jawatan kuasa sementara seperti berikut.

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid sa-bagai pengerusi, Inche Teo Kim Yeo sa-bagai setia usaha dan lima orang ahli2 jawatan kuasa ia-itu Inche Ali Khan bin Abdul Khan, Inche Abidin bin Orang Kaya Abdul Rashid, Pengiran Metusin bin Pengiran Piut, Inche Johari bin Abdul Razak (semuanya dari Bandar Brunei) dan Inche Peter Lee (Kuala Belait).



Sa-bilangan daripada pemuda-pemudi tempatan yang telah mempersembahkan tablo di-temasha Malam Kesenian Melayu di-Bandar Brunei dan Seria pada bulan yang lalu.

Haji Rajid, Penolong Pegawai Penerangan, Brunei dan di-hadiri oleh ramai pegawai2 Kerajaan dari Bandar Brunei dan Daerah Belait, termasuk beberapa orang wanita.

Dalam ucapan-nya Pengiran Puteh menerangkan bahawa persatuan yang baharu itu di-namakan, "Persatuan Pegawai2 Kerajaan Kerja Tetap, Negeri Brunei."

Tujuan persatuan itu, katanya, ia-lah untuk memperbaiki, menjaga dan memelihara hak2 pegawai2 Kerajaan yang bekerja tetap.

# PERATORAN MENANAM SAYOR2 DAN POKOK MAKANAN

(Oleh INCHE TALIP BIN MERAMIT)

Perusahaan menanam sayor2an dan pokok makanan itu kalau di-kaji atau di-selidiki benar2 ada-lah satu daripada mata pencaharian yang sangat menguntungkan si-penanam-nya.

Perusahaan ini tidak berkehendakkan modal yang banyak atau susah mengerjakan-nya. Hasil-nya mungkin berjumlah \$150 hingga \$240 pada sa-ekar tanah dalam masa 2 bulan. Tetapi sayangnya orang2 kita Melayu tidak berapa gemar atau tertarek hati mengusahakan-nya.

Boleh jadi mereka belum lagi mengetahui rahsia2 yang tersembunyi untuk mendapatkan hasil yang memuaskan itu.

Peladang2 atau petani2 yang sudah mahir dalam ilmu pertanian tidak lagi ragu2 bersetuju bahawa berchuchok tanam itu ia-lah satu perusahaan yang mulia dan amat menguntungkan kepada mereka.

Untuk mendapatkan hasil yang baik beberapa perkara hendaklah di-uruskan supaya sayor2 itu tumbuh dengan subur.

## MEMILEH TAPAK

Kawasan mengusahakan sayor2an ini amat perlu di-kaji kerana bukan-nya sa-barang tanah sahaja yang memberi hasil yang baik dan memuaskan.

Jika hendak bertanam sayor2an pilihlah tanah yang dibawah ini:—

- Tanah pamah yang berchampur pasir dan tidak menakong ayer.
- Kawasan yang lapang

## HASIL-HASIL PERTANIAN

(Dari muka 4)

ngunan ekonomi pertanian, perekonomian yang di-sediakan kepada hasil2 hutan termasuk penanaman padi, getah, kelapa dan lain2-nya. Pendek-nya, semua hasil2 negara yang di-bawa oleh sumbar2 ini berkehendakkan persediaan yang tertentu dan sesuai dengan perkembangan perekonomian internasional.

Sa-sudah saya membincangkan faktor2 yang berhubung rapat dengan pembangunan perekonomian rakyat, sekarang mari-lah pula meninjau sumbar2 ekonomi Brunei yang sudah dan boleh di-perbaiki menurut system2 yang modern. Sumbar2 ekonomi Brunei itu dapat-lah, untuk sementara waktu ini, di-bahagikan kepada:—

- Pertanian,
- Pertukangan tembaga,
- Pertukangan besi,
- Perusahaan minyak kelapa dan hasil2 dari kelapa,
- Perusahaan hasil2 mengkuang, pandan dan buloh dan
- Perusahaan belachan.

(Bersambung)

dan chukup mendapat chahaya matahari.

- Jauh dari pokok2 kayu yang besar.
- Berdekatan dengan sungai atau perigi supaya senang mendapatkan ayer.
- Berdekatan pula dengan jalan raya atau sungai supaya senang pengangkutan.

Kawasan itu hendaklah di-bersekan dari pokok2 dan rumput dan sa-lepas itu di-changkol.

Sa-telah tanah itu di-changkol (lembok), maka hendaklah di-biarkan berjemor bagitu sahaja sa-kurang2-nya 2 minggu supaya mati koman2 yang tidak di-kehendaki di-dalam tanah dan tanah itu akan senang pechah dengan sendiri-nya.

Sa-lepas 14 hari atau lebih maka kerja menchangkol memechahkan tanah itu bagi kedua kali hendaklah di-jalankan. Segala akar2 kayu atau rumput2 terutamaalang di-kumpul di-satu tempat dan di-bakar.

## MEMBUAT BATAS

Sa-telah tanah itu tadi kita pechahkan sa-hingga halus tidak berketol2 lagi, maka bolehlah di-buat batas ia-itu:—

Panjang batas 25 kaki, lebar 4 kaki tinggi 1 kaki dan besar parit 1½ kaki. Bentuk batas itu biarlah melangkong sedikit (luak di-tengah2) supaya ayer senang meresap ka-dalam tanah.

Di-sakeliling kawasan perkebunan itu pula mustahak di-buat parit besar bagi memhuangkan ayer dari parit2 kecil di-batas itu.

Pagar mustahak di-buat jika kawasan itu selalu di-datangi oleh kerbau, lembu atau kambing.

## MEMILEH BENEH

Beneh ada-lah perkara yang amat penting di-ketahui. Beneh2 yang hendak di-tanam itu hendaklah di-dapati daripada pokok yang sehat, subur, tidak berpenyakit dan mengeluarkan hasil yang banyak serta chukup tua.

Penghasilan yang baik tiap2 pokok tanaman itu ada-lah bergantung kepada keadaan beneh yang terpilih di-dapati daripada pokok yang sehat dan banyak mendapatkan.

Sa-belum menanam beneh itu ka-atas batas yang telah di-sediakan itu tadi, maka pemilehan yang kedua wajiblah di-buat sekali lagi. Hanya beneh yang baharu serta bernas' dan sehat sahaja di-kehendaki.

(Bersambung)

## PEMANGKU PEGAWAI DAERAH

KUALA BELAIT. — Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Penolong Pegawai Daerah, Belait telah di-lantek men-



Pengiran Momin

jadi Pemangku Pegawai Daerah, Belait.

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pegawai Daerah, Belait pada masa ini sedang berchuti.

## Kesah lawatan penuntut2 M.L.G.M.

BERAKAS. — Tuan James Pearce, Pengetua Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei yang memandu rombongan penuntut2 tahun tiga yang telah melawat Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan yang lalu telah menulis kesah2 lawatan rombongan penuntut2 tersebut.

Di-antara kesah lawatan rombongan penuntut2 itu Tuan Pearce menulis:

"Persediaan2 sa-belum rombongan penuntut2 itu tiba di-Singapura telah di-sediakan kerana saya terdahulu sampai di-sini dan mengatorkan tempat tinggal mereka di-Sekolah Melayu Kampong Jagoh.

"Malam itu penuntut2 diberi peluang berjalan2 dengan di-pandu oleh Guru Besar sekolah itu, Inche' Muhammad bin Chomel, bekas penuntut Maktab Tanjong Malim. Penuntut2 sangat sukachita melihat bandar Singapura itu yang

pada malam hari amat permai dan indah.

"Ranchangan yang pertama ia-lah melawat Sekolah Gambar (Muzium) Singapura, lepas itu mereka melawat gedung Malaya Publishing House."

Di-gedong Malaya Publishing House, kata Tuan Pearce, terjadi satu perkara yang sangat memuaskan hati beliau kerana penuntut2 itu sangat kagum bila melihat berjenis2 buku dalam gedung itu, dengan serta merta mereka telah menerpa kabahagian buku2 Melayu dalam gedung itu.

"Buku yang menarek perhatian mereka bukan-lah buku2 roman tetapi ada-lah buku yang bersangkut paut dengan pelajaran2 dan ilmu pengetahuan, istimewa buku2 yang berhubung dengan chara2 mengajar.

"Ada penuntut yang telah berbelanja sampai lebih tiga puluh ringgit kerana membeli buku2 tersebut", kata Tuan James Pearce.

Tuan Pearce mencheritakan juga bagaimana rombongan penuntut2 itu mendapat layanan dari wakil Singapura Shell Petroleum Company dengan menggunakan sa-buah bas mengelilingi bandar raya Singapura dan penuntut2 di-bawa menyaksikan bagaimana perosis minyak2 yang di-gunakan sama ada minyak itu berchampur ayer atau tidak tulin keadaan-nya.



Penuntut2 tahun ketiga Maktab Perguruan Melayu Brunei bergambar ramai dengan Pengarah Sharikat Minyak Shell di-Singapura dalam masa lawatan mereka baharu2 ini.

Berdiri nombor 8 dari kiri ialah Tuan James Pearce, Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei dan di-sabelah-nya ialah Pengarah Sharikat Minyak Shell di-Singapura.

# Kuala Belait Recreation Club menang perisai Wong

**SERIA.** — Kuala Belait Recreation Club telah berjaya memenangi perisai Wong Chiap Fatt dengan mengalahkan Shell Recreation Club dalam pertandingan akhir ping-pong antara klab2 tempatan.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-bilik permainan Shell Recreation Club di-bawah anjoran Lembaga Sukan Daerah Belait.

Dalam pertandingan itu, K.B.R.C. telah menang 3 perlawanan sa-saorang, dan S.R.C. menang satu perlawanan sa-saorang.

Keputusan pertandingan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini (Pemain K.B.R.C. di-sebut dahulu):

Sim Tiak Mong mengalahkan Yung Ying Yee 21-18 dan 21-13. Chu Sin Fatt mengalahkan We Kok Ching 21-17, 22-24 dan 21-12. Bakar Ali di-tewaskan oleh We Kok Ching 21-14, 12-21 dan 21-14. Poh Cheng Yay mengalahkan Yung Ying Yee dengan 13-21, 21-17 dan 21-19 mata.

Keputusan lain2 perlawanan ping-pong yang telah di-langsungkan di-bilik permainan Shell Recreation Club itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Perlawanan laki2 sa-saorang bahagian "A"—Chu Sin Fatt (K.B.R.C.) mengalahkan We Kok Ching (S.R.C.) dengan 21-16 dan 21-14.

Perlawanan laki2 sa-saorang bahagian "B"—Thomas Kok Pui Wah (Anthony Abell College) mengalahkan Chok Chim Lai (Sekolah Saint Margaret) dengan 21-11 dan 21-18.

Perlawanan wanita sa-saorang —Wilhelmina Chua dari Shell Recreation Club telah mengalahkan Wendy Chan dari Shell Recreation Club juga dengan 21-16, 14-21 dan 21-12.

Perlawan2 dua orang laki2 bahagian "A"—Chu Sin Fatt dan Sim Tiak Mong dari Kuala Belait Recreation Club mengalahkan Yung Ying Yee dan G. Samuel dari Shell Recreation Club dengan 21-16, 17-21 dan 21-15.

Perlawanan dua orang laki2 bahagian "B"—Thomas Kok Pui Wah dan Woo Chiew Siang (Anthony Abell College dan Sekolah Saint Michael) mengalahkan

## Perlawanan rugby

**SERIA** — Pasokan champoran Panaga dan Sekolah Pertukangan Shell telah mengalahkan Bandar Brunei dalam satu perlawanan rugby yang hebat dengan 10 mata berbalas 8 mata.

Perlawanan itu telah di-adakan di-padang Panaga baharu2 ini.

Ini-lah kali yang kedua pasokan2 tersebut bertemu sa-mula.

kan Chok Chin Lai dan Ho Han Siang (Sekolah2 Saint Margaret dan Saint Michael) 21-17 dan 21-17.

Perlawanan dua orang bahagian champoran—Ng Chen Yew dan Wilhelmina Chua dari Shell Recreation Club mengalahkan Poh Cheng Yap dan Susanah Goh dari Kuala Belait Recreation Club dan Shell Recreation Club dengan 21-16, 12-21 dan 21-16.

Puan P. A. Coates telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan2 tersebut.

## JOHAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK



Pasokan "C" Murid2 Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera Tutong yang telah berjaya memenangi gelaran johan dengan tidak payah bertanding dalam pertandingan bola sepak bahagian "C" di-antara Sekolah2 di-Daerah Tutong.

Berdiri di-kiri sekali ialah Chegu Ahmad bin Kadi dan Kanan sekali ialah Chegu Suni bin Idris.

## Klab Melayu Shell menang hokey kalah bola sepak

**SERIA.** — Anggota2 Klab Melayu Shell, Setia telah melawat ka-Labuan baharu2 ini untuk menghubungkan perpaduan di-lapangan permainan bola sepak dan hokey dengan anggota2 Kesatuan Melayu Labuan.

Kedua2 perlawanan itu telah di-adakan di-padang besar Labuan dan di-saksikan oleh ramai para penuntut.

Klab Melayu Shell, Setia telah mengalahkan Kesatuan Melayu Labuan dengan 1 gol tidak berbalas, dalam perlawanan hokey.

Dalam perlawanan bola sepak pula, Kesatuan Melayu Labuan telah mengalahkan Klab Melayu Shell dengan 4 gol berbalas 2.

### PEMAIN YANG HANDAL

O.A. Rahman pemain Klab Melayu Shell yang handal telah menjanginkan gol yang tunggal dalam perlawanan hokey.

Sungguh pun pemain2 dari Kesatuan Melayu Labuan telah beberapa kali membuat serbuan2 yang hebat dalam perlawanan itu, akan tetapi oleh kerana kubu pertahanan Klab Melayu Shell di-jagai dengan kuat, maka pemain2 Kesatuan Melayu Labuan itu telah tidak berhasil

mengalahkan Klab Melayu Shell dalam perlawanan hokey itu.

## Pertandingan Tinju:

### Bandar Brunei — Setia — Labuan

**BANDAR BRUNEI** — Pertandingan tinju pada julong2 kali di-antara Negeri Brunei dan Labuan akan di-langsungkan di-dewan Anthony Abell College, Setia pada malam 19 November, 1960.

Pertandingan itu di-kekelakan oleh Jawatan Kuasa Kumpulan Pengakap Setia bahagian pertama dan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei.

Tujuan mengadakan pertandingan tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi memajukan pergerakan pengakap di-

## MENANG SEMUA PERTANDINGAN

**TUTONG.** — Murid2 Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong telah berjaya memenangi semua gelaran2 johan bahagian2 A, B dan C dalam pertandingan bola sepak sekolah2 di-Daerah Tutong baharu2 ini.

Keputusan pertandingan tersebut ialah seperti di-bawah ini.

Bahagian "A"—Sekolah Melayu Muda Hashim mengalahkan Sekolah Melayu Tanjong Maya—1 gol tidak berbalas.

Bahagian "B"—Sekolah Melayu Muda Hashim mengalahkan Sekolah Melayu Bukit Udal—9 gol berbalas 1.

Bahagian "C"—Sekolah Melayu Muda Hashim menang dengan tidak payah bertanding.

## S.A.O.S. College johan badminton

**BANDAR BRUNEI** — Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell dalam pertandingan akhir badminton untuk merebutkan perisai Wong dengan 7 perlawanan berbalas 2.

Sultan Omar Ali Saifuddin College telah menang 3 perlawanan sa-orang dan 4 perlawanan dua orang, manakala Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell telah menang 2 perlawanan sa-orang.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College tidak bera-pa lama dahulu.

Isteri Inche Idris bin Babji, Pegawai Pelajaran Negara telah menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan badminton itu.

Daerah Setia.

Dalam pertandingan tinju itu, ahli2 dari Labuan Sports Club akan melawan ahli2 tinju yang terkenal di-negeri ini dan perlawanan2 yang hebat akan dapat di-saksikan oleh para penuntut di-temasha tersebut.

Tiket2 berharga \$5, \$3, \$2 dan \$1 boleh di-beli dari persekutuan2 tinju di-Seria dan Kuala Belait atau pun dari Inche S. Palaniandy di-Jabatan Elektrik, Bandar Brunei dan Inche Jumbo Allan, di-Sekolah Pertukangan, Setia.

# Lumumba seru hormati keputusan parlemen congo

LEOPOLDVILLE. — Perdana Menteri Congo, Tuan Patrice Lumumba, telah menyeru kepada Bangsa2 Bersatu supaya menghormati dan mentaati segala keputusan yang di-buat oleh Parlemen Congo.

Parlemen itu telah di-berhentikan oleh orang kuat tentera, Colonel Mobutu, semenjak pertengahan bulan September.

Dalam satu kenyataan akhbar yang di-terbitkan di-sini, Tuan Lumumba berkata bahawa parlemen ada-lah sa-bagai suara bagi kehendak2 raayat Congo.

Beliau berkata bahawa ia ber-setuju dengan laporan Bangsa2 Bersatu atas Congo yang di-terbitkan oleh Tuan Rajeswar Dayal, Ketua Perwakilan Bangsa2 Bersatu di-Congo. Laporan ini telah dikecham hebat oleh musuh2 politik Tuan Lumumba.

Dalam laporan tersebut Tuan Dayal telah mengecham hebat atas pengarah2 Belgium yang bertambah2 di-Congo dan juga gerak langkah tentera Congo semenjak Colonel Mobutu merampas kuasa.

Di-Elizabethville, Perdana Menteri Katanga, Tuan Moise Tshombe mensifatkan laporan Bangsa2 Bersatu itu sa-bagai "ke-

seluruhan-nya tiada mempunyai tujuan."

Beliau menapikan bahawa Katanga sedang menubuhkan satu dasar menarek diri dari Congo.

Beliau berkata dalam satu pengumuman akhbar bahawa penyelesaian atas soal Congo "mesti-lah dengan jalan orang2 Congo dan orang2 Afrika dan tidak dengan jalan champor tangan yang terator dari Bangsa2 Bersatu.

Di-New York, Presiden Congo, Tuan Kasavubu menyatakan dalam satu pengumuman bahawa

lawatan-nya itu ia-lah sa-bagai satu "jawapan kepada tuntutan besar" untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negeri-nya yang sedang menghadapi kebodohan dan champor tangan dari orang2 yang menchuba melanggar dasar2 suchi untuk orang2 yang merdeka.

Beliau manambah kata bahawa satu perchubaan telah di-buat "untuk meletakkan bangsa-nya di-bawah satu penjajahan yang baharu yang menga'ibkan dan tiada dapat di-pertanggungkan.

Beliau berkata bahawa untong nasib Congo ada-lah menjadi satu chabaran kepada keamanan dunia. Pertelingkahan di-Congo itu boleh di-selesaikan oleh orang2 Congo sendiri dengan tiada tekanan dari lain2 pehak.

Di-lapangan terbang New York, Tuan Kasavubu telah disambut oleh Setiausaha Agong Bangsa2 Bersatu, Tuan Dag Hammarskjold.

## KAUM IBUDI-SERU MENUBOHKAN BANK

KUALA LUMPUR. — Duta Malaya ka-Indonesia, Inche Senu bin Abdul Rahman, telah menyeru kepada kaum ibu Melayu supaya menubuhkan sa-buah bank.

Inche Senu telah beruchap diistia'at pembukaan temasha permainan Kaum Ibu UMNO bahagian Kuala Lumpur.

Beliau berkata bahawa kaum ibu di-negara2 yang maju seperti Amerika dan juga di-satengah2 tempat di-Indonesia, semua-nya ada mengambil bahagian dalam tiap2 lapangan hidup.

Kaum ibu Melayu sekarang mempunyai satu kedudukan yang membolehkan mereka memberi segala kerjasama kepada kaum bapa supaya mengambil bahagian luas dan lebeh chergas dalam lapangan ekonomi.

## PERBEZAAN BANGSA2 BERTENTANGAN DENGAN UNDANG2 BANGSA2 BERSATU

NEW YORK. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman, telah menyatakan bahawa Malaya akan bersekutu dalam sa-barang tindakan untuk mengadakan lagi sekatan2 ka-atas Afrika Selatan mengenai soal perbezaan antara bangsa.

Tatkala beruchap di-dalam satu persidangan akhbar, Tengku berkata bahawa ada-lah satu kewajiban untuk bersekutu kerana perbezaan antara bangsa itu ada-lah satu perkara yang bertentangan dengan undang2 yang terkandung di-dalam piagam Bangsa2 Bersatu mengenai hak2 manusia.

Kapada satu soalan lain Tengku menjawab bahawa ia akan tundok kepada kehendak2 Perdana2 Menteri yang lain di-atas keputusan sama ada membuang atau tidak Afrika Selatan dari

menjadi anggota Commonwealth British.

Tengku menambah kata bahawa jika sa-sabuah negara commonwealth tidak menjalankan dasar yang mengikatkan mereka menjadi satu, maka negara itu sa-patut-nya tidak boleh bersama.

Tengku mengulangi lagi akan betapa penting-nya keamanan di-Tenggara Asia dan menambah kata bahawa pehak Komunis akan mengambil kesempatan jika berlaku peperangan di-Indonesia mengenai Irian Barat sa-bagaimana mereka telah buat di-Korea.

Dalam satu jawapan yang meminta Tengku menerangkan sikap-nya kapada satu kenyataan yang baharu2 ini telah di-buat

oleh Menteri Pertahanan Indonesia, General Abdul Haris Nasution, bahawa satu jalan sahaja yang boleh menyelesaikan perkara ini ia-itu dengan menyerahkan sa-mula Irian Barat kepada Indonesia, Tengku berkata bahawa ia telah menchapai satu peringkat persetujuan di-atas chadangan-nya tatkala ia menemui General itu.

Tengku menambah kata bahawa jika tiada di-dapati kemahuan untuk menchapai sa-suatu penyelesaian yang aman, maka tiada-lah dapat ia berbuat apa2 lagi mengenai-nya.

## ANCHAMAN SENJATA2

NEW YORK—Wakil Malaya di-Bangsa2 Bersatu, Dato Nik Ahmad Kamil berkata bahawa keamanan yang berdasarkan kapada anchaman senjata2 nuklear ada-lah sangat menakutkan dan membawa manusia ka-jurang peperangan.

## KEADAAN-KEADAAN HAMPIR KEBULOR DI-TIBET

NEW DELHI. — Berita2 yang sampai ka-India telah menyatakan bahawa keadaan2 yang hampir kapada kebuloran telah di-dapati di-banyak tempat di-Selatan dan Barat Tibet.

Berita2 itu menyatakan bahawa pehak China sedang menubuhkan jawatankuasa2 tentera di-bandar2 negeri Tibet untuk menguasai perniagaan di-sana.

Wakil2 China juga sedang menchuba menggalakkan saudagar2 Nepal supaya menghantar-lebeh banyak lagi bijian2 makanan ka-Tibet.

Pusat berita itu menyatakan bahawa satu berita yang di-ter-

bitkan oleh New China News Agency dari Lhasa menyatakan bahawa petani2 di-bahagian Timor dan Selatan Tibet sedang menuai sa-jenis gandum yang biasa-nya di-buat untuk makanan binatang dan juga jagong yang telah di-semai sa-lepas sahaja tamat menuai gandum dan beras belanda yang lumayan yang telah di-tuai dalam musim panas.

## SENATOR KENNEDY MENANG

NEW YORK. — Senator John Kennedy, berumur 43 tahun, telah di-alu2kan di-seluruh Amerika Sharikat pada 9 November yang lalu sa-bagai Presiden baharu.

Jawatan sa-bagai President Amerika Sharikat yang baharu itu akan di-sandang beliau pada awal bulan January, 1961.

Senator Kennedy, yang telah menentukan kemenangannya dengan menawan undi badan pemilih di-tiga negara bahagian yang penting awal2 lagi, ia-itu New York, Pennsylvania dan Texas dan mendahului da'erah2 lain. Beliau enggan berkata apa2 mengenai keputusan itu sa-belum pergi tidor hari tersebut.

Undi ramai pada jam 12.20 waktu Greenwich menunjukkan Kennedy telah beroleh 30,071,377 suara dan Nixon 29,313,783.

Parti Demokrat juga telah menguasai Dewan Perwakilan dalam pilihan raya hari ini.

Mereka telah menguasai kerusi yang ke-239, memberikan kelebih suara mereka dalam Dewan itu, manakala Parti Republikan telah merebut 144 kerusi.

## Pemberontak2 di-hapuskan

JAKARTA. — Angkatan Tentera Indonesia telah mengumumkan bahawa lebeh dari 3,000 orang pemberontak2 yang bersenjata telah di-hapuskan dalam gerakan2 pembersehan dalam masa tiga bulan yang lalu.

Pemberontak2 ini menjadi ahli di-dalam pertubuhan2 yang besar yang bergerak di-bawah tanah seperti Permesta dan Darulislam dan mereka ada-lah berselerak di-merata2 kepulauan Indonesia.

Pengumuman tentera itu menyatakan bahawa pada masa sekarang di-Indonesia ada mengandungi 17,528 orang pemberontak2 berbanding dengan beratus2 ribu orang yang di-kira pada masa tiga tahun dahulu.